

09/08/1999

Dr Siti Zaharah setuju batal rombakan

Noorwati Salleh

KUANTAN, Ahad - Ketua Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman (gambar), bersetuju membatalkan rombakan Exco pergerakan itu yang diumumkannya Isnin lalu dan menganggap isu itu sudah selesai.

Sehubungan itu, katanya, ahli pergerakan itu perlu memandang ke hadapan bagi menguatkan jentera parti dalam menghadapi pilihan raya umum.

"Saya juga tidak menganggap isu itu menimbulkan kekecohan di kalangan wanita Umno. Keputusan sudah dibuat di peringkat Majlis Tertinggi (MT) dan kita setuju dengan keputusan itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan hari anugerah cemerlang ke-13 Sekolah Menengah Kebangsaan Paya Besar di sini, hari ini.

Ini adalah pertama kali Dr Siti Zaharah mengulas keputusan MT Umno, Rabu lalu yang meminta Wanita membatalkan rombakan Exconya, sebagaimana diumumkan beliau dua hari sebelum itu.

Rombakan yang diumumkannya Isnin lalu, antara lain membabitkan pengguguran Ketua Wanita Wilayah Persekutuan, Azizah Samad dan Ketua Wanita Pulau Pinang, Sharifah Aminah Syed Mohamad.

Bagaimanapun, mesyuarat MT Umno yang dipengerusikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Rabu lalu, membatalkan rombakan berkenaan. Dr Siti Zaharah tidak hadir pada mesyuarat itu kerana sakit.

Dr Siti Zaharah hari ini menjelaskan, perkara itu sudah dibincang dengan Dr Mahathir dan beliau bersetuju membatalkan rombakan berkenaan selepas dinasihati.

"Oleh kerana saya tidak dapat hadir dalam mesyuarat MT baru-baru ini kerana masalah kesihatan, Dr Mahathir memaklumkan mengenai perkara itu kepada anggota MT.

"MT bersetuju bahawa pembatalan harus dilakukan. Saya setuju dan akur dengan keputusan yang sudah dibuat demi kepentingan parti dalam menghadapi pilihan raya," katanya.

Dr Siti Zaharah berkata, beliau tidak mempunyai masalah dengan barisan Exconya termasuk mereka yang digugurkan dalam rombakan diumumkannya itu.

"Apa yang penting kita mesti teruskan kerja yang sedang dijalankan," katanya.

Mengenai kemungkinan usul undi tidak percaya terhadapnya dikemukakan dalam mesyuarat Exco Wanita bulan ini, Dr Siti Zaharah berkata, beliau tidak mengetahui perkara itu.

"Anggota wanita mana hendak berbuat demikian?," soalnya.

Apabila diberitahu sumber itu dari Wanita Umno Negeri Sembilan, beliau meminta wartawan bertanya kepada anggota Wanita itu.

Sementara itu di KEPALA BATAS, Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mohd Khalil Yaacob menggesa, Dr Siti Zaharah mengadakan mesyuarat Exco secepat mungkin.

"Adalah lebih baik ketua Pergerakan Wanita mengadakan mesyuarat Exco secepat mungkin bagi membincang serta menangani isu yang dihadapi," katanya.

Katanya, langkah itu selaras arahan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Rabu lalu, yang meminta Exco Pergerakan Wanita mengadakan mesyuarat.

"Lebih cepat, lebih baik. Saya sendiri akan turut menghadiri mesyuarat berkenaan," katanya sambil menambah setakat ini beliau belum dapat menghubungi Dr Siti Zaharah.

Beliau juga menasihati pelbagai pihak supaya tidak membincangkan isu

berkaitan Pergerakan Wanita di luar kerana sudah banyak ia diperkatakan mengenai perkara berkenaan.

(END)